

Dosa korban

'Datuk' didakwa songlap RM10,000 bayaran lembu, kambing ibadah

>>Oleh Zaitie Satibi
am@hmetro.com.my

PETALING JAYA: Seorang penternak lembu kerugian lebih RM10,000 apabila ditipu seorang lelaki bergelar 'Datuk' yang kononnya menjadi orang tengah bagi urusan membeli lembu dan kambing untuk ibadat korban ahli kariah Surau al-Munawwarah, Apartmen Lagoon Perdana di Bandar Sunway, di sini.

Penolong Setiausaha surau itu, Muhammad Syafiq Khor Abdullah berkata, penipuan dilakukan lelaki terbabit terbongkar selepas penternak lembu itu menemui jawatankuasa surau pada Januari lalu berhubung pembayaran empat lembu dan dua kambing yang digunakan untuk ibadat korban sempena Aidiladha tahun lalu yang belum diterimanya.

Menurutnya, pihak jawatankuasa surau terkejut apabila diberitahu penternak lembu itu belum menerima baki bayaran RM10,164 sedangkan wang hasil kutipan daripada ahli kariah yang mengambil bahagian melaksanakan ibadat korban sudah dibayar kepada 'Datuk' terbabit yang berusia 36 tahun.

"Surau al-Munawwarah menawarkan harga RM350 untuk satu bahagian korban penuh pada tahun lalu sebelum lelaki terbabit yang juga penghuni apartmen menawarkan diri untuk menjadi orang tengah bagi urusan membeli lembu dan kambing.

"Kami menyerahkan wang RM2,000 sebagai deposit dari-

pada jumlah keseluruhan RM11,164 selepas lelaki itu mendakwa sudah mendapatkan haiwan berkenaan daripada seorang penternak di Banting," katanya.

Katanya, pihak surau menyerahkan baki bayaran seminggu sebelum Aidiladha dan memikirkan urusan pembayaran selesai berikutan penternak berkenaan menghantar lembu dan kambing pada hari dijanjikan.

"Penternak lembu itu mendakwa dia hanya menerima deposit RM1,500, manakala baki bayaran yang diterima dalam bentuk cek tidak dapat ditunaikan apabila pihak bank memberitahu ia cek tendang.

"Kami terkejut kerana sudah menyerahkan wang RM11,164 kepada lelaki terbabit untuk harga lembu itu," katanya.

Muhammad Syafiq berkata, pihak jawatankuasa surau dengan kerjasama anggota Skim Rondan Sukarela (SRS) apartmen berkenaan kemudian membantu penternak lembu itu mengesahkan lelaki itu, namun gagal kerana dipercayai sudah menghilangkan diri.

"Lebih dua bulan kami cuba mengesahkan lelaki itu terbabit termasuk berkunjung ke rumahnya selepas telefon bimbitnya dimatikan, tetapi dimaklumkan lelaki terbabit sudah tidak menetap di kediaman itu.

"Difahamkan, lelaki terbabit melakukan kegiatan sama di beberapa surau sekitar Bandar Sunway sebelum kami dan penternak lembu sepakat membuat laporan di Balai Polis Bandar Sunway, kelmarin," katanya.